

Lelaki mengaku tikam bapa saudara kena lapan tahun dan tiga sebatan

KUCHING: Seorang lelaki berusia 21 tahun dijatuhi hukuman penjara lapan tahun dan tiga sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas mengaku bersalah menikam bapa saudaranya dengan pisau sehingga menyebabkan kecederaan parah.

Hakim Iris Awen Jon menjatuhkan hukuman terhadap Mohammad Raihan Mansor selepas dia mengaku bersalah atas pertuduhan mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksamaan.

Seksyen tersebut memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun serta boleh dikenakan denda atau sebatan jika sabit kesalahan.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah rumah di Kampung Matang Batu 11 di sini pada 14 Julai sekitar jam 6.30 petang.

Berdasarkan fakta kes, Mohammad Raihan telah menikam mangsa di bahagian perut semasa berlaku pertengkaran ketika mangsa cuba meleraikan perselisihan.

Mangsa mengalami luka tikaman yang menembusi abdomen.

Pada masa kejadian tertuduh berada dalam keadaan khayal dan dipercayai berada di bawah pengaruh dadah.

Satu laporan polis telah dibuat tidak lama selepas kejadian yang membawa kepada penangkapan Mohammad

Raihan.

Beberapa saksi, termasuk ahli keluarga tertuduh sendiri berada di tempat kejadian dan menyaksikan insiden tersebut.

Laporan perubatan mengesahkan bahawa mangsa mengalami kecederaan dalaman serius melibatkan usus besar.

Mangsa telah menjalani pembedahan termasuk cucian abdomen dan jahitan luka.

Mangsa kini sedang dalam proses pemulihan.

Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Aiman Mutalib Mohamad Shariff hadir mewakili pihak pendakwaan manakala tertuduh tidak diwakili peguam.